

Malaysia tak berhasrat — memimpin dunia — Dr. M

(P)

Daripada
Zainuddin Maidin

U.M. 9 SEP 1989

BELGRADE 8 Sept. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. **Mahathir** menjelaskan bahawa Malaysia tidak berhasrat untuk memimpin dunia sekalipun peranan antarabangsa kelihatan menjadi semakin penting dan menarik perhatian ramai.

"Kita tidak berhasrat untuk menjadi terlalu penting dan kita hanya mahu memainkan peranan yang sewajarnya di dalam masalah antarabangsa," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat penjelasan ini berhubung dengan satu pertanyaan sama ada Malaysia bersedia untuk menjadi Pengerusi Pergerakan Berkecuali dan menjadi tuan rumah bagi persidangan akan datang kiranya Indonesia atau Nicosia tidak dipersetujui oleh kebanyakan anggota pergerakan itu.

Usaha - usaha yang dijalankan oleh Wisma Putra selama ini untuk mendekati dunia ketiga dan kegiatan Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri telah menampakkan hasil

yang jelas di dalam Pergerakan Berkecuali yang kesembilan ini.

Ramai pemimpin Afrika dan juga negara - negara kecil yang sedang membangun telah menemui Datuk Sri Dr. Mahathir semasa persidangan ini. Mereka ingin mendapatkan bantuan Malaysia di dalam bidang latihan pegawai dan juga pembangunan.

Penonjolan Malaysia di dalam persidangan kali ini dapat dilihat dari pemilihannya sebagai salah satu naib pengerusi persidangan dan juga Perdana Menteri Malaysia menjadi pemimpin negara yang kedua berucap di persidangan itu.

Malaysia juga telah dijemput untuk menyertai Kumpulan 16 yang akan dibentuk bagi mengadakan pertemuan setahun sekali untuk mengkaji dan memastikan adanya tindakan berhubung dengn keputusan - keputusan yang dibuat oleh Pergerakan Berkecuali.

Datuk Sri Dr. Mahathir 'yang kelihatan segar dan gembira ketika menemui para wartawan Malaysia sebi sahaja puncak Pergerakan Berkecuali berakhir semala telah menjelaskan sebab mengapa kita memainkan peranan yang aktif di kalangan antarabangsa.

Katanya, "kalau kita tidak menjalankan peranan kita maka Malaysia tidak akan diberikan perhatian langsung. "Kecuali kita dikenali, kalau tidak orang tidak akan mempedulikan apa yang berlaku kepada kita. Maka itu kita mesti menunjukkan minat kepada pihak lain kiranya kita mahu mereka menunjukkan minat kepada kita," ujanya.

Beliau percaya dengan mempunyai hubungan yang seumpama ini maka banyak masalah yang akan dapat diselesaikan secara bersama.

"Bukanlah ada hasrat di pihak kita untuk memimpin dunia," tegasnya. Datuk Sri Dr. Mahathir juga membuat kesimpulan bahawa Persidangan Puncak Pergerakan Berkecuali yang kesembilan ini adalah jauh lebih baik dari

LIHAT MUKA 2, ✓

Malaysia tak hasrat pimpin dunia

puncak-puncak yang pernah diadakan.

Ditanya mengenai semakin pentingnya peranan golongan sederhana di dalam pergerakan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ini menjadi jelas oleh kerana selama ini pun golongan ini adalah percaya kepada keputusan dan penyelesaian yang praktikal.

Dengan dunia berubah mengikut arah yang dikehendaki oleh golongan sederhana maka golongan ini seolah-olah menjadi lebih penting dari Pergerakan Berkecuali sendiri, katanya.

Di dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan pembentukan Kumpulan 16 dari anggota Pergerakan Berkecuali yang bakal disertai oleh Malaysia adalah sangat perlu.

Katanya, keanggotaan Pergerakan Berkecuali terlalu besar dan menyukarkan untuk melaksanakan sesuatu keputusan. Maka itu suatu kumpulan yang kecil perlu diwujudkan bagi memberikan perhatian kepada berbagai keputusan yang telah dibuat oleh Pergerakan Berkecuali.

Kcanggotaan Kumpulan 16 itu adalah dipilih berdasarkan kepada kedudukan wilayah dan juga negara yang dianggap aktif.

Datuk Sri Dr. Mahathir berharap Malaysia akan dapat memberikan sumbangan fikirannya kepada kumpulan ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir nampak Yugoslavia sebagai tuan rumah telah benar-benar berusaha untuk menukar corak Persidangan Pergerakan Berkecuali ini supaya berorientasikan tindakan dan India telah menunjukkan perannya yang aktif.

Perdana Menteri India, Rajiv Gandhi telah mengadakan dua kali pertemuan dengan Datuk Sri Dr. Mahathir semasa persidangan ini terutama bagi membincangkan cadangan mewujudkan institusi pengajian tinggi terulung di Selatan.

Pada peringat ini perbincangan di dalam perkara itu hanya berjalan antara India dengan Malaysia di bawah konsep kerjasama Selatan-Selatan. Kedua negara telah pun bersetuju untuk membiayai sebahagian dari projek itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat bahawa Selatan memerlukan pusat pengajian tinggi terulung kerana ramai bilangan pelajar dari Selatan yang bertumpu ke negara-negara maju untuk melanjutkan pelajaran.

Katanya, pusat pengajian itu akan dapat melahirkan kumpulan pemimpin negara yang mengenali dunia Selatan dan akan dapat menjalin hubungan yang baik antara negara-negara Selatan.

Sekarang kita menghadapi masalah siswazah yang pulang dari negara-negara maju yang cuba untuk memperkenalkan falsafah dan sistem negara Barat tanpa memahami suasana tempatan, katanya.

Malaysia adalah mempunyai pengalaman untuk membantu penubuhan pusat pengajian itu oleh kerana kerjasama yang telah wujud di antaranya dengan universiti-universiti di negara maju.